

06 DEC 2001

Marina-AIDS

MAJLIS AIDS KEBANGSAAN PERLU DITUBUHKAN

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Majlis Aids Kebangsaan yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perlu ditubuhkan bagi mengetuai usaha menangani masalah HIV/Aids.

Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM) Datin Paduka Marina Mahathir berkata penyertaan pemimpin atasan akan membantu memperkemaskan aktiviti yang dijalankan oleh pelbagai pihak dan pertubuhan selain mengurangkan rintangan terhadap pelaksanaan aktiviti.

Beliau berkata penyertaan pemimpin negara dalam aktiviti Aids boleh dilihat di negara jiran seperti Thailand di mana Perdana Menteri Thaksin Shinawatra mengetuai Majlis Aids Kebangsaan Thailand.

Manakala Presiden Megawati Sukarnoputri pula mengetuai perarakan sempena Hari Aids Sedunia di Indonesia baru-baru ini, kata Marina pada forum bertajuk "Situasi HIV/Aids di Malaysia: Adakah kita sudah mengambil langkah sepenuhnya" anjuran MAM sempena sambutan Hari Aids Sedunia 2001 di sini hari ini.

Dalam kertas kerjanya, Marina berkata kes HIV/Aids mencapai 5,000 kes setahun manakala wanita yang dijangkiti meningkat daripada satu kepada 10 peratus dalam tempoh 10 tahun lepas.

Sementara itu, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng yang mengambil bahagian dalam forum itu berkata kerajaan telah mengadakan beberapa program bagi menangani masalah HIV/Aids.

Katanya, program paling berkesan dalam usaha itu ialah pemeriksaan ibu mengandung yang diperkenalkan pada 1998 yang dapat mencegah jangkitan kepada bayi dengan memberikan rawatan kepada bakal ibu yang dijangkiti.

"Akhir tahun lepas, 723,117 ibu mengandung telah diperiksa dengan 210 (0.03 peratus) didapati positif. Daripada 193 ibu terbabit yang telah melahirkan anak, hanya 11 bayi dijangkiti," katanya.

Chua berkata selain itu, alternatif lain merawat pesakit HIV/Aids juga sedang diterokai dengan penghantaran satu pasukan perubatan ke Cuba bagi meninjau "rawatan ozon" yang digunakan di negara itu kerana dikatakan lebih murah dan tidak menimbulkan kesan sampingan kepada pesakit.

-- BERNAMA

HK AHH MOZ